



مجلس اسلام دان عادت ملايو ترغانو

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Selaras pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021 berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan bermula 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021 di beberapa buah negeri termasuk Negeri Terengganu Darul Iman. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu selepas mendapat pandangan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dengan ini mengambil keputusan berhubung kebenaran aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan surau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Covid-19 seperti berikut:

- a) Aktiviti solat fardhu berjemaah dan solat jumaat di masjid dan surau termasuk aktiviti kuliah harian adalah

DIBENARKAN dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan.

- b) Jawatankuasa masjid dan surau bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pengurusan solat di masjid atau surau masing-masing berjalan dengan lancar dan diingatkan supaya mematuhi segala SOP Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- c) Jawatankuasa masjid atau surau yang gagal mematuhi SOP dan arahan yang ditetapkan, Pesuruhjaya boleh mengambil tindakan dengan menutup masjid atau surau berkenaan.
- d) Semua Pegawai Agama Daerah diarahkan untuk membuat pemantauan secara serius bagi memastikan semua masjid dan surau mematuhi SOP dan syarat-syarat yang ditetapkan.
- e) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa yang akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.

Baginda menzahirkan rasa kebimbangan dengan peningkatan kes positif Covid 19 di negeri Terengganu dan mengharapkan supaya semua ahli jawatankuasa masjid dan ahli Jemaah memainkan peranan dalam memastikan semua arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dapat diikuti dan dipatuhi dengan

sewajarnya supaya risiko jangkitan wabak Covid-19 dapat dikawal dengan sebaiknya.

Baginda juga menyeru supaya semua masjid dan surau mengadakan solat hajat dan bermunajat, berdoa memohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya wabak Covid-19 yang menular ini dapat dikawal dari terus merebak.

Baginda juga menyeru supaya semua rakyat jelata memainkan peranan dalam membantu barisan hadapan terutama pasukan perubatan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan jangan sesekali mengambil mudah dengan mengabaikan arahan pihak berkuasa.

Baginda berdoa semoga kehidupan seharian kembali pulih seperti sediakala semoga rakyat jelata sentiasa berada dalam kerahmatan dan lindungan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

14 JANUARI 2021M BERSAMAAN 1 JAMADILAKHIR 1442H